



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
KARNIVAL KERJAYA DIGITAL  
MELAKA CAREERTRANS 2021**

**TARIKH: 16 OKTOBER 2020 (SABTU)  
HOTEL MUDZAFFAR AYER KEROH, MELAKA**

---

**Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel bin Mohamad,  
Setiusaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Datuk Wira Ar. Hj. Ismail Bin Hj Othman,  
EXCO Perpaduan Perhubungan Masyarakat,  
Tenaga Kerja Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed,  
Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);**

**Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Melaka,  
Pegawai-pegawai Kanan PERKESO, Rakan-Rakan Strategik Karnival, Rakan-rakan Media, dan seterusnya  
Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian.**

1. Apa kabau semua? Sihat? Saya doakan semuanya dalam keadaan sihat sejahtera.
2. Alhamdulillah, pertamanya, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, pada tahun ini, sekali lagi kita dapat bersama-sama pada Karnival Kerjaya Digital Melaka *Careertrans* 2021.
3. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak PERKESO atas jemputan untuk menyempurnakan perasmian karnival yang dijalankan secara maya pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Pada tahun lepas, kita telah mengadakan Karnival Penjana Kerjaya *Careertrans* 2020 pada 18 Ogos 2020 secara fizikal. Saya difahamkan, seramai **1,073** orang telah berjaya mendapat pekerjaan melalui karnival ini.
5. Justeru itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak PERKESO atas kejayaan penganjuran Karnival Kerjaya Melaka *Careertrans* 2020 yang telah memberikan impak yang besar kepada rakyat negeri Melaka.
6. Karnival Kerjaya Digital Melaka *Careertrans* 2021 merupakan karnival kedua anjuran PERKESO di negeri Melaka selepas kejayaan penganjuran sebelumnya. Ini selari dengan pengiktirafan yang diterima PERKESO sejak 2019 sebagai *Public Employment Services Agency* iaitu agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan bantuan pencarian pekerjaan kepada semua pencarum PERKESO serta golongan pencari kerja.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Berdasarkan statistik Karnival Penjana Kerjaya Melaka *Careertrans* 2020 yang telah diadakan pada tahun lepas, jumlah kehadiran pencari kerja adalah seramai **4,357** orang. Alhamdulillah, daripada jumlah tersebut, seramai **1,073** pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan.

8. Ini satu pencapaian yang amat membanggakan. Oleh itu, karnival ini sewajarnya dianjurkan sekali lagi pada tahun ini walaupun ia terpaksa dilangsungkan secara maya bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) di samping memutuskan rantai COVID-19.
9. Untuk pengetahuan semua, karnival kerjaya secara dalam talian ini adalah terbuka kepada semua pencari kerja di Malaysia, khususnya rakyat Negeri Melaka. Ini merupakan salah satu inisiatif PERKESO untuk terus memberikan perkhidmatan pencarian pekerjaan yang terbaik kepada golongan pencari kerja terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19 ini.

Hadirin dan hadirat,

10. Jika kita lihat kepada statistik kehilangan pekerjaan di Negeri Melaka, tahun **2019** mencatatkan seramai **772** orang. Namun, jumlah ini meningkat dengan ketara pada **2020** iaitu kepada **2,081** orang, kesan daripada pandemik COVID-19. Sementara itu, bagi tahun 2021 bermula dari **1 Januari sehingga 13 Ogos 2021**, seramai **1,347** orang telah kehilangan pekerjaan.
11. Walaupun kadar kehilangan pekerjaan ini menurun, saya amat berharap agar karnival pekerjaan yang dianjurkan pada hari ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua pihak terutamanya mereka yang mencari pekerjaan, selari dengan pembukaan semula sektor ekonomi secara berfasa. Rebutlah peluang

keemasan ini dan gunakan platform ini untuk mencari pekerjaan yang sesuai.

12. Selain daripada mengambil bahagian dalam Karnival Kerjaya Digital Melaka Careertrans 2021 ini, saya juga ingin menggalakkan mereka yang mencari peluang pekerjaan untuk mendaftar di Portal Pekerjaan Nasional MYFutureJobs juga di bawah kelolaan PERKESO.
13. Mereka yang mendaftar di portal ini boleh memanfaatkan sistem padanan pekerjaannya yang secara terus membantu memadankan pencari kerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain aspek yang relevan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

14. Sememangnya, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat. Apatah lagi, kita sedar sekarang ini ramai rakyat yang terkesan, hasil perniagaan merosot, sektor pelancongan terjejas akibat wabak COVID-19.
15. Seperti yang saya sebutkan dalam Persidangan DUN baru-baru ini, kerajaan negeri komited untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan telah mengambil langkah yang sewajarnya

dengan mempelbagaikan program-program kemahiran bagi membolehkan peserta mengikuti program tersebut.

16. Saya berharap, majikan-majikan terutamanya yang mempunyai perusahaan di negeri Melaka, berilah peluang kepada anak-anak Melaka yang sedang mencari pekerjaan untuk mengisi kekosongan jawatan yang disediakan di syarikat atau perusahaan tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

17. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PERKESO atas penganjuran karnival kerjaya yang amat bermakna ini. Semoga karnival pekerjaan ini memberi manfaat kepada seluruh rakyat Melaka khususnya para pencari kerja, belia lepasan sekolah, graduan baharu mahupun penganggur untuk memperoleh pekerjaan. Akhir kata, saya ucapkan selamat berjaya kepada semua pencari kerja yang bakal menghadiri temu duga secara dalam talian di karnival kerjaya ini.

18. Dengan lafaz suci Bismilahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Kerjaya Digital Melaka *Careertrans* 2021.

Wabillahitaufik                      Walhidayah                      Wassalamualikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.